



Kempen Program Inkubasi PKS (1 Oktober 2025 – 31 Mac 2026) Terma & Syarat

Kempen Program Inkubasi PKS ("Kempen") ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Syarikat: 196001000142), Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat: 200701029411) (secara kolektif dirujuk sebagai "Maybank"), dan Modalku Ventures Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 201601019329, dirujuk sebagai "Funding Societies") dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 2 di bawah) secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung dengan Kempen adalah muktamad.

1. Tempoh Kempen

Kempen ini akan bermula pada **1 Oktober 2025, jam 00:00:00 pagi (MYT)** dan berakhir pada **31 Mac 2026, jam 11:59:59 malam (MYT)** [termasuk kedua-dua tarikh] ("Tempoh Kempen").

2. Pelanggan Yang Layak

- a. Kempen ini terbuka kepada perniagaan milikan tunggal, perkongsian, dan syarikat sendirian berhad (Sdn Bhd) yang didaftarkan di Malaysia.
- b. Pelanggan Yang Layak merujuk kepada pelanggan Maybank baharu atau sedia ada yang memenuhi semua kriteria berikut:
 - i. Telah memberikan persetujuan untuk menyertai Program Inkubasi PKS yang dianjurkan bersama Funding Societies;
 - ii. Telah mendapat kelulusan pembiayaan alternatif daripada Funding Societies, dan jumlah pembiayaan yang diluluskan telah dimasukkan terus ke dalam Akaun Semasa Perniagaan Maybank/-i mereka;
 - iii. Memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam Klausula 3 di bawah.
- c. Individu berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - i. Mana-mana Pelanggan Yang Layak yang telah membatalkan mana-mana produk atau akaun Maybank mereka (daripada senarai Produk yang Layak yang dinyatakan dalam Klausula 3(b)) untuk produk yang layak yang sama, sebelum tarikh pembayaran rebat;
 - ii. Mana-mana Pelanggan Yang Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan salah laku, penipuan, perbuatan salah atau ingkar dan melanggar terma berkaitan akaun mereka, kemudahan, dan/atau perkhidmatan yang diberikan oleh Maybank.

3. Mekanisme dan Syarat Kempen

- a. Pelanggan Yang Layak mesti memenuhi **salah satu** daripada kriteria berikut untuk layak menerima rebat tunai seperti yang dinyatakan dalam Klausula 4(a):

- Mendaftar untuk sekurang-kurangnya tiga (3) produk yang disenaraikan di bawah ScaleUp SME Lite, SME Up, atau SME Top dalam jadual 3(b); **ATAU**
- Mengekalkan baki akhir bulan minimum sebanyak RM5,000 dalam Akaun Semasa Perniagaan Maybank/-i mereka selama tiga (3) bulan berturut-turut (i.e. satu penggal).

b. Kempen ini terbuka kepada Produk Yang Layak seperti berikut:

SME Lite	SME Up	SME Top
• SME First Account/-i • Maybank2u • Maybank Work+ • QRPayBiz • Sound Box • Accounting Solution • UNIFI Go Niaga • SME Digital Financing • HERpower • Advisory & Capacity Building Program • Sustainability Certification / Advisory • Halal Facilitation / Assurance System	• SME First Account/-i • Maybank2u Biz • Maybank Work+ • QRPayBiz / Card Terminal • Sound Box • Accounting Solution • UNIFI Go Niaga • Commercial Card • Blanket Hire Purchase • Property Business Financing • Working Capital Financing • HERpower • Advisory & Capacity Building Program • Sustainability Certification / Advisory • Halal Facilitation / Assurance System	• SME First Account/-i • Maybank2E • Maybank Work+ • Card Terminal • Accounting Solution • UNIFI Go Niaga • Commercial Card • Blanket Hire Purchase • MFCA • Forex MRates • Fixed Deposit Preferential Rates • Property Business Financing • Working Capital Financing • HERpower • Advisory & Capacity Building Program • Sustainability Certification / Advisory • Halal Facilitation / Assurance System

Maybank dan Maybank Islamic ialah ahli PIDM. SME First Account/-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

c. Contoh Kriteria Kelayakan

Senario 1

Pelanggan yang mendaftar untuk pakej ScaleUp SME Up dengan sekurang-kurangnya tiga (3) produk pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen akan layak menerima rebat tunai.

Senario 2

Pelanggan yang mengekalkan baki akhir bulan sebanyak RM5,000 atau lebih

selama satu penggal sepanjang Tempoh Kempen akan layak menerima rebat tunai.

Senario 3

Pelanggan yang mendaftar untuk pakej ScaleUp SME Lite dengan sekurang-kurangnya tiga (3) produk dan mengekalkan baki minimum selama satu penggal sepanjang Tempoh Kempen akan layak menerima rebat tunai.

Senario 4

Pelanggan yang tidak mendaftar untuk mana-mana pakej SME bundle dan tidak mengekalkan baki minimum selama satu penggal sepanjang Tempoh Kempen tidak akan layak menerima rebat tunai.

4. Rebat Tunai dan Penyampaian Hadiah

- a. Pelanggan Yang Layak yang telah memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3(a) adalah berhak menerima rebat tunai, seperti yang ditetapkan di bawah:

Kuantum Rebat Tunai	Contoh
15% Yuran penggunaan bersih*	Anggaran Yuran Pembiayaan adalah sebanyak 5%; a. Untuk pembiayaan sebanyak RM30,000: - Yuran Penggunaan Bersih (selepas Duti Setem 0.5% ditolak): $4.5\% \times \text{RM}30,000 = \text{RM}1,350$ - Rebat Tunai: 15% dari RM1,350 = RM202.50 b. Untuk pembiayaan sebanyak RM200,000: - Yuran Penggunaan Bersih (selepas Duti Setem 0.5% ditolak): $4.5\% \times \text{RM}200,000 = \text{RM}9,000$ - Rebat Tunai: 15% dari RM9,000 = RM1,350

*Yuran Penggunaan Bersih

- Yuran Pembiayaan: Sehingga 5% daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan
- Duti Setem: 0.5% daripada jumlah pembiayaan
- Yuran Penggunaan Bersih = Yuran Pembiayaan – Duti Setem

- b. Pelanggan hanya layak menerima rebat tunai hanya sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen, tanpa mengira berapa penggal yang mereka telah penuhi kriteria kelayakan. Pelanggan yang layak akan dikenal pasti berdasarkan setiap penggal didalam Tempoh Kempen. Maybank akan memaklumkan pelanggan yang dikenal pasti layak melalui emel bagi setiap penggal.

Rebat tunai yang berkenaan bagi setiap penggal akan dikreditkan dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas tamat penggal tersebut.

- Pelanggan yang layak bagi tempoh 1 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2025 akan dikenal pasti pada Januari 2026, dan rebat akan dibayar selewat-lewatnya akhir Februari 2026.
- Pelanggan yang layak bagi tempoh 1 Januari 2026 hingga 31 Mac 2026 akan dikenal pasti pada April 2026, dan rebat akan dibayar selewat-lewatnya akhir Mei 2026.

Sekiranya Akaun Semasa Perniagaan Maybank/-i ditutup sebelum rebat tunai dikreditkan, tiada rebat tunai akan dibayar kepada Pelanggan Yang Layak.

- c. Funding Societies hendaklah bertanggungjawab terhadap pengurusan rebat tunai. Pelanggan yang layak akan dimaklumkan oleh Funding Societies melalui emel setelah rebat tunai dikreditkan ke Akaun Semasa Perniagaan Maybank/-i mereka, mengikut kriteria yang ditetapkan dalam jadual di Klausa 4(a).

5. Terma dan Syarat Am

- a. Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan teknikal, gangguan, kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, Maybank2e, atau mana-mana platform sah Maybank, selagi ia bukan disebabkan oleh Maybank.
- b. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari ("hari" bermaksud hari kalendar). Notis tersebut akan dipaparkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui saluran lain yang ditentukan oleh Maybank. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan Yang Layak untuk mendapatkan maklumat atau menyemak notis yang sah tersebut.
- c. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara berkala bagi melihat terma dan syarat dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya terdapat sebarang kekeliruan.
- d. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan memberikan persetujuan terhadap pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan data peribadi mereka oleh Maybank mengikut Penyataan Privasi Maybank yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my dan Borang APDP untuk Pelanggan Individu.

Selain itu, dan tanpa menjejaskan terma dalam Penyataan Privasi Maybank dan Borang APDP, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan memberikan kebenaran untuk data peribadi mereka digunakan oleh Maybank bagi:

- i. Tujuan Kempen; dan
- ii. Aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk iklan atau media publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media digital dan dalam talian. Aktiviti pemasaran termasuk penggunaan dan/atau penerbitan maklumat yang diberikan dalam penyertaan, berkaitan bahan temubual, respons serta gambar. Dalam hal ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti publisiti Maybank berkaitan dengan Kempen.

Nota: "APDP" merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

- e. Maybank dan seluruh pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejen (termasuk penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau reputasi) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian besar atau kelalaian oleh Maybank.
- f. Maybank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan dalam melaksanakan obligasi di bawah Kempen ini akibat kejadian force majeure termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, peperangan, mogok, rusuhan, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak dan pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Maybank.
- g. Maybank berhak untuk membatalkan atau menolak penyertaan mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat ini dan/atau didapati atau disyaki memanipulasi Kempen dan/atau prosesnya termasuk aktiviti penipuan, penipuan data atau penipuan berkaitan Kempen.
- h. Terma dan Syarat ini ditadbir oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan Maybank di **1 300 88 6688** atau **+603 7844 3696**. Sebagai alternatif, Pelanggan Yang Layak boleh menghantar emel melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u: **www.maybank2u.com.my**